

Pinjaman perumahan bernilai RM40b diluluskan

Oleh ZUNAIDAH ZAINON

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 18 Julai - Sebanyak RM40 bilion pinjaman perumahan telah diluluskan kepada lebih daripada 152,000 peminjam dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini.

Menurut Bank Negara Malaysia (BNM), 75 peratus daripada peminjam tersebut terdiri daripada pembeli rumah kali pertama manakala kadar kelulusan pinjaman perumahan juga stabil pada 74 peratus.

Jelasnya, dalam masa sama, institusi perbankan juga telah memperkenalkan penyelesaian pembiayaan yang lebih fleksibel untuk meningkatkan kemampuan membayar hutang seperti yang ditawarkan untuk Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA).

Tambah BNM, pinjaman perumahan terkumpul terus menga-

tasi pertumbuhan pinjaman keseluruhan dengan kadar tahunan meningkat 8.6 peratus kepada RM493 bilion pada akhir Mei 2017.

“Komen yang dibuat oleh setengah pihak telah menimbulkan kekeliruan dan tidak berdasarkan fakta dan maklumat sebenar. Jika isu perumahan mampu milik ini hendak diselesaikan, semua pihak perlu jelas mengenai punca utama isu tersebut dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk membantu mereka yang terabit.

“Paling penting, penyelesaian terhadap isu rumah mampu milik ini perlu meliputi usaha menangani kekurangan bekalan rumah mampu milik dan harga rumah yang tinggi berbanding dengan pendapatan,” jelasnya dalam kenyataan di sini hari ini.

Berdasarkan data Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), kurang 30 peratus daripada ru-



BERDASARKAN data NAPIC, kurang 30 peratus daripada rumah baharu yang dilancarkan sepanjang 2015 dan 2016 merupakan rumah berharga RM250,000 sebuah. - GAMBAR HIASAN

mah baharu yang dilancarkan sepanjang 2015 dan 2016 merupakan rumah berharga kurang daripada RM250,000, berbanding dengan 70 peratus semasa tem-

poh tahun 2008 dan 2009.

Didapati kemampuan untuk memiliki rumah tidak banyak berubah seperti ditunjukkan oleh purata harga rumah kebangsaan

yang kekal pada 4.4 kali pendapatan median (julat bagi tahap mampu milik ialah 3.0 dan kurang) dengan beberapa negeri utama dan pusat bandar mencatat penurunan dalam tahap mampu milik.

Sehubungan itu, tegas BNM, pemaju perumahan bersama-sama pihak berkuasa dan pihak berkepentingan yang berkenaan perlu meningkatkan usaha untuk mengurangkan kos dan menambah bekalan rumah dengan segera.

“Berdasarkan perbincangan dengan institusi perbankan, kebanyakan pinjaman perumahan yang tidak diluluskan oleh institusi perbankan melibatkan peminjam yang mempunyai paras tuntutan hutang sedia ada yang tinggi, seterusnya mendedahkan mereka kepada risiko kewangan yang teruk jika dibebankan lagi dengan hutang.